

# PM sedarkan Melayu bahaya ‘mentaliti tongkat’

Oleh Kadir Dikoh

SEWN kejutan daripada pengumuman peletakan jawatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang kemudian ditarik balik, Perhimpunan Agung Umno berakhir kelmarin boleh dianggap berjaya menyedarkan masyarakat Melayu, sekurang-kurangnya menyebabkan mereka merenung sejenak selama mana mereka harus terus bertongkat dalam dunia tanpa sempadan.

Arus globalisasi akan terus memberi cabaran kepada hak istimewa orang Melayu – satu perlindungan yang dianggap oleh setengah pemimpin Umno sendiri sebagai faktor yang menyekat kemajuan orang Melayu.

Malah, mesej Presiden Umno bahawa “Melayu belum selamat” dalam ucapan dasarnya pada hari pertama perhimpunan Khamis lalu, bagaikan memberi satu ingatan terakhir bukan saja kepada ahli parti, malah orang Melayu keseluruhannya tanpa mengira idcologi politik.

Mungkin selepas ini, Perdana Menteri akan menyerahkan kepada orang Melayu sendiri untuk mengatur langkah bagaimana memperbaiki segala kelemahan itu tanpa beliau berulang kali lagi mengingatkan mereka.

Sesudah 21 tahun memimpin Umno dan kerajaan, Dr Mahathir jelas nampak kecewa kerana apa yang diusahakan selama ini masih belum memuaskan hatinya kerana orang Melayu terus bergantung kepada subsidi dan bantuan. Apakah faktor ini juga menyebabkannya membuat pengumuman mengejut itu?

Selepas ini menjadi tugas barisan kepimpinan Umno dan semua ahli parti pada peringkat bahagian dan cawangan untuk menjelaskan kedudukan sebenar pada peringkat akar umbi, bukan saja sesama mereka, malah rakyat amnya untuk melaksanakan impian Dr Mahathir menjadi kenyataan.

Penarikan balik hak istimewa Bumiputera, khususnya Melayu, dengan peruntukan 10 peratus kepada bukan Bumiputera di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan Pusat Matrikulasi, sememangnya menggemparkan masyarakat Melayu sebelum perhimpunan agung itu diadakan.

Setengah pihak menganggap ia sebagai satu usaha terakhir Dr Mahathir untuk mengejutkan masyarakat Bumiputera dan Melayu daripada 'tidur' dan ingin melihat apakah reaksi mereka.

Pemerhati berkata, Dr Mahathir ikhlas berbuat demikian demi kepentingan bangsa dan negara, dan beliau ingin melihat bangsanya berdiri sama tinggi dengan bangsa lain di dunia serta mahu meletakkan orang Melayu sebagai satu bangsa yang bermaruah dan dihormati.

"Populariti diri sudah tidak ada dalam kamus Dr Mahathir. Beliau sanggup tidak popular seperti menarik balik hak keistimewaan orang Melayu demi kepentingan jangka panjang orang Melayu sendiri. Perdana Menteri tidak hirau apa orang lain nak kata asalakan apa yang dibuatnya itu untuk kepentingan bangsa, agama dan negara," kata seorang pemerhati.

Kerana isu itu juga menyebabkan Umno bahagian Senai, Johor meluluskan undi tidak percaya kepada Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, yang didakwa gagal menangani permasalahan membabitkan pelajar Bumiputera.

Mereka mendakwa Musa tidak menjaga kepentingan Melayu untuk jangka panjang; memberi ala-

**“ Kalau kita tidak pernah berjalan tanpa tongkat, kita tak boleh berjalan apabila tongkat diambil daripada kita. Sebab itu kita harus belajar berjalan, sedikit-sedikit tanpa tongkat. ”**

**- Dr Mahathir**

san tidak kukuh ketika membuat keputusan dan membuat keputusan secara 'ad-hoc' tanpa perancangan.

Bahagian itu tidak bersetuju dengan cadangan kerajaan menyediakan kuota 10 peratus kepada bukan Bumiputera di MRSM dan Pusat Matrikulasi serta cadangan menggunakan bahasa Inggeris bagi pengajaran Matematik dan Sains.

Sebenarnya, mesej itu juga di-tuju kepada Majlis Tertinggi (MT) dan kerajaan tetapi sesetengah penganalisis politik melihatnya sebagai satu permainan berkisar kepada politik Johor itu sendiri dengan cuba mengaibkan pemimpin tertentu dari negeri berkenaan.

Namun, agak mengejutkan gempuran isu itu tidak berpanjangan ke perhimpunan agung dan tiada kedengaran di kalangan perwakilan yang menyuarakan lagu senada dengan suara Umno bahagian Senai itu. Yang didengar ialah perwakilan bersetuju, tetapi mahu pelaksanaannya dibuat dengan lebih teliti.

"Saya sendiri terkejut kerana sebelum perhimpunan ini bukan main lagi dentuman sana sini mengenai hak istimewa orang Melayu. Saya rasa mereka tidak faham. Jadi bila Perdana Menteri menjelaskannya dalam majlis taklimat Presiden (Rabu lalu), semuanya bagaikan memahami mesej sebenar," kata Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib.

Katanya, tindakan Umno baha-

gian Senai yang diketuai Adam Abdul Hamid itu ada baiknya kerana ia bagaikan "menyedut keluar kehangatan" yang bakal menjelma dalam perhimpunan dan akhirnya tidak terjadi.

"Saya rasa sudah tiba masanya kita membuat pembetulan kerana kita sudah lama berpegang kepada tongkat. Apabila semuanya sudah bersedia, Dr Mahathir akan meneruskan usahanya membawa pelbagai pembaharuan," katanya ketika diminta mengulas hasil perhimpunan itu.

Namun, ada pihak cuba mengaitkan tindakan Adam dengan faktor politik bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Musa Hitam, faktor politik Naib Presiden, Tan Sri Muhyiddin Yassin, dan Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman.

Ahli Parlimen Johor Bahru, Datuk Shahrir Abdul Samad, berkata ada yang mendakwa beliau terbabit dengan tindakan Adam itu selain mengaitkan kembali politik Musa Hitam dan Tengku Razaleigh Hamzah.

"Jika kita bercakap mengenai Musa dan Ku Li, itu adalah politik era 1980-an yang tidak relevan lagi. Malah sekarang ini sudah tidak timbul lagi isu Anwar Ibrahim. Soal isu pengganti dalam Umno sudah jelas, iaitu Pak Lah (Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) akan mengambil alih tempat Dr Mahathir apabila beliau bersara nanti," katanya.

Dalam ucapan penggulungannya kelmarin, Dr Mahathir antara

lain menyatakan: "Ada yang berpendapat matrikulasi hak kita, MRSM hak kita, kita mengadakan peruntukan atau kemudahah itu untuk membantu kita, tetapi kita harus ingat bahawa orang yang selalu dibantu akan menjadi lemah."

"Kalau kita tidak pernah berjalan tanpa tongkat, kita tak boleh berjalan apabila tongkat diambil daripada kita. Sebab itu kita harus belajar berjalan, sedikit-sedikit tanpa tongkat."

"Itulah tujuan kita dan saya berterima kasih kerana pendekatan ini telah diterima oleh Umno dan ini akan kita laksanakan dengan tidak membelakangkan kepentingan orang Melayu dan anak-anak kita. Umno tidak sekali-kali menganiaya orang Melayu dan kaum bangsa," katanya.

Ucapan penggulungan Abdullah juga menarik perhatian dengan mesej tersendiri dan mengajak ahli Umno meningkatkan azam untuk membebaskan diri daripada sebarang "penyakit dalaman" supaya rakyat menaruh kepercayaan tinggi kepada parti.

Malah, Timbalan Presiden Umno mengingatkan ahli parti supaya jangan mengadudomba hubungan kerjasama baik yang sudah terjalin di kalangan pemimpin.

Mesej Abdullah itu perlu dihayati oleh pemimpin kanan lain dalam Umno serta pengikut mereka dengan harapan supaya Umno terus kukuh.

Perpaduan Melayu harus diutamakan dan ahli parti tidak harus membuang masa untuk menimbulkan isu remeh-temeh dan perlu bersatu menghadapi musuh bersama, iaitu pembangkang terutama Pas.

Ramai perwakilan yang menyertai perbahasan menyuarakan kepercayaan penuh kepada kepimpinan Dr Mahathir untuk meneruskan perjuangan meningkatkan martabat bangsa Me-

layu, iaitu sehari sebelum Perdana Menteri mengumumkan hasrat meletak jawatan daripada parti.

Mereka melihat Presiden Umno itu mempunyai ciri kepimpinan yang amat tinggi serta diikrif sebagai pejuang bangsa Melayu apabila semua perwakilan bangun sejenak untuk memberi penghormatan dan disertai tepukan gemuruh.

Itu peristiwa yang berlaku pada hari kedua perhimpunan Jumaat lalu dan mungkin perwakilan sendiri, malah barisan ahli Majlis Tertinggi (MT) tidak menyedari apa yang bakal diumumkan oleh Dr Mahathir 24 jam kemudian.

Sebab itulah perwakilan di dalam dewan, termasuk rakyat di seluruh negara, tergamam dengan keputusan Dr Mahathir dan mereka semua lega kemudian apabila keputusan meletak jawatan itu ditarik balik.

Pada ucapan penggulungan itu, Dr Mahathir menceritakan bagaimana Malaysia berjaya bangkit daripada kegawatan ekonomi tanpa meminta bantuan daripada Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF).

"Apa yang kita lakukan ikut keupayaan kita, pragmatisme tetapi tidak mengikat diri sehingga benda tak baik pun kita terpaksa lakukan kerana itu prinsip ideologi berkenaan".

Itulah barisan terakhir ucapannya sebelum memulakan perkataan keramat, iaitu: "Tuan-tuan dan puan-puan, Pengerusi Tetap, ahli-ahli Majlis Tertinggi, para perwakilan dan saudara-saudari. Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengumumkan (PM berhenti sekejap meneguk air sebelum meneruskan ucapan) peletakan jawatan saya sebagai Presiden Umno . . . (dalam nada sebak)... dan semua jawatan yang dipegang saya dalam parti, Pengerusi Barisan Nasional dan semua jawatan dalam Barisan Nasional."